

# Lawatan Pemimpin Luar Negara ke Parlimen Malaysia

HE DR. M. Hidayat Nur Wahid  
*Speaker Perwakilan Rakyat Indonesia*  
5 Mei 2008



Hon. Mr Hashim Abdul Halim,  
Pengerusi CPA dan Dr. William F. Shija,  
Setiausaha Agung CPA 28 Mei 2008



Kunjung Hormat Ahli Parlimen  
Romania 9 Julai 2008



# MALAYSIA sebagai tuan rumah

## Persidangan Parlimen Komanwel ke-54

### di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC)

1 - 10 Ogos 2008

#### PERSATUAN

Parlimen Komanwel (CPA) adalah sebuah pertubuhan yang unik, dianggotai oleh Parlimen Negara-negara Komanwel. CPA pada awalnya dikenali sebagai Empire Parliamentary Association (EPA) telah ditubuhkan pada 18 Julai 1911, dengan segala urusannya pada masa itu dikawal selia di cawangan United Kingdom.

Misi CPA adalah untuk memberi pendedahan kepada ahli-ahlinya mengenai pengetahuan dan kefahaman sistem demokrasi berparlimen dengan rujukan yang khusus kepada negara-negara Komanwel dan untuk

meneruskan kerjasama dan rundingan antara negara-negara Komanwel.

Misi tersebut akan dapat dicapai melalui pelbagai aktiviti-aktiviti berikut:

- Menganjurkan persidangan Parlimen negara-negara Komanwel, seminar mesyuarat dan penyelidikan berkumpulan.
- Menyediakan kemudahan bagi membolehkan lawatan dua hala antara ahli-ahli persatuan.
- Menerbitkan sumber pengetahuan berkaitan dengan tujuan dan aktiviti-aktiviti persatuan, yang boleh disertakan dengan penerbitan yang

tetap mengenai hal-hal berkaitan dengan perlombagaan dan urusan Parlimen.

Cawangan-cawangan CPA adalah dari benua Afrika, Asia, Kepulauan British dan Mediterranean, Kanada, Australia, Pulau Caribbean, India, Kepulauan Pasifik dan Asia Tenggara.

Sepanjang 10 hari di Persidangan Parlimen Komanwel ke-54 pelbagai isu dibangkitkan termasuk soal krisis makanan dunia, keselamatan, alam sekitar dan langkah-langkah membasi kemiskinan sejagat.

- Delegasi CPA mula tiba dan berlangsungnya Mesyuarat Anggota Parlimen Wanita Komanwel (CWP).






- Perasmian Persidangan Parlimen Komanwel ke-54 oleh Timbalan Perdana Menteri, Y.A.B. Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak



- Delegasi CPA melawat negeri bersejarah, Melaka.



- Pertemuan Setiausaha-setiausaha Dewan Anggota CPA dan lawatan delegasi CPA ke bangunan Parlimen Malaysia



# RANG UNDANG-UNDANG YANG TELAH DILULUSKAN BAGI TEMPOH PERTENGahan TAHUN 2008

## RANG UNDANG-UNDANG Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (Pindaan) 2008



**PINDAAN** yang dicadangkan terhadap Akta LOFSA merupakan kesinambungan usaha Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA) dalam mengemaskinikan perundangan luar pesisir bagi menarik lebih ramai pelabur ke Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan IBFC) dan mempertingkatkan daya saing serta menyediakan suasana perniagaan yang kondusif.

ia juga bertujuan untuk memperkemaskan rangka perundangan LOFSA untuk berfungsi sebagai agensi kawal selia sendi yang mengawasi aktiviti kewangan luar di pesisir di Labuan IBFC.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah bertujuan untuk memperluaskan takrif-takrif agensi penguatkuasa undang-undang tempatan dan pihak berkuasa pengawal seliaan tempatan. Ini bagi membolehkan pihak LOFSA menjalin kerja sama lebih erat dalam menjalankan fungsi kawal selianya. Cadangan pindaan juga bertujuan untuk mengemas kini kuasa kawal selia LOFSA dan menyelaraskan peruntukan kerahsiaan yang merangkumi maklumat berkenaan institusi luar pesisir. Ini penting untuk menyeimbangkan keperluan bagi melindungi maklumat peserta luar pesisir dan bertujuan untuk mengawal selia dengan efektif serta untuk mengekalkan reputasi Labuan IBFC sebagai pusat kewangan antarabangsa yang berwibawa. Dalam menghadapi suasana perniagaan dan kewangan antarabangsa yang kian rumit serta mencabar, kerjasama yang lebih erat di antara agensi-agensi pengawal seliaan adalah merupakan suatu keperluan untuk membolehkan kerjasama yang lebih erat ini dijalin.

Pada keseluruhannya cadangan pindaan-pindaan ini adalah bertujuan untuk mengemas kini rangka kerja kawal selia LOFSA terhadap semua institusi kewangan luar pesisir di Labuan bagi membolehkan LOFSA melaksanakan fungsi kawal selia dengan lebih berkesan lagi.

## RANG UNDANG-UNDANG Perbekalan Tambahan (2008) 2008

**RANG** undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada kumpulan wang disatukan untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk sebahagian daripada tahun 2008 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi bahagian tahun itu.

Jumlah anggaran perbelanjaan mengurus tambahan pertama 2008 yang dibentangkan menurut perkara 100 dan 101 Perlembagaan Persekutuan ini adalah sebanyak RM20.153 bilion. Jumlah ini

merupakan tambahan bagi perbelanjaan bekalan di antara lain bertujuan:

- (i) menampung perkara-perkara baru yang diputuskan oleh kerajaan dan tidak diperuntukkan dalam bajet 2008;
- (ii) menampung kenaikan kos subsidi gas cecair (LPG), diesel dan petrol akibat daripada kenaikan harga bahan api dunia; dan
- (iii) membiayai program rebat tunai dan pelbagai program di bawah dasar jaminan bekalan makanan.

Butiran dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi anggaran perbelanjaan mengurus tambahan pertama 2008 adalah seperti dalam penyata anggaran tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 11 tahun 2008 dan Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 11A tahun 2008.

## RANG UNDANG-UNDANG Pencen (*Pindaan*) 2008

**RANG** undang-undang yang dicadangkan ialah untuk meminda Akta Pencen 1980 iaitu undang-undang yang mentadbirkan urusan persaraan dan pencen bagi pegawai-pegawai perkhidmatan awam persekutuan dan negeri. Secara khususnya pindaan undang-undang ini ialah untuk melaksanakan perlanjutan umur persaraan wajib bagi pegawai-pegawai perkhidmatan awam Persekutuan dan negeri daripada 56

tahun kepada 58 tahun mulai Julai 2008. Beberapa pindaan berbangkit yang menyentuh umur persaraan wajib yang dicadangkan pindaan undang-undang ini membolehkan semua pegawai yang dilantik pada atau selepas 1 Julai 2008 berkhidmat sehingga mencapai umur 58 tahun. Ia juga membolehkan pemberian opsyen kepada semua pegawai-pegawai tetap yang sedang berkhidmat untuk memilih melanjut perkhidmatan

sehingga mencapai umur 58 tahun atau bersara pada umur 56 tahun seperti sekarang. Dengan pindaan dan cadangan yang dicadangkan, pegawai-pegawai di bawah Skim KWSP tidak perlu meletakkan jawatan bagi tujuantujuan yang dimaksudkan. Walau bagaimanapun, selaras dengan pilihan mereka pesara-pesara Skim KWSP hanya diberi caruman KWSP oleh kerajaan sebagai faedah persaraan.

## RANG UNDANG-UNDANG Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (*Pindaan*) 2008

**RANG** undang-undang ini ialah untuk meminda Akta Pencen Pihak Berkua Berkanun dan Tempatan 1980 bagi tujuan yang sama bagi pekerja-pekerja pihak-pihak berkuasa berkanun dan tempatan. Pindaan undang-undang ini bagi membolehkan semua pekerja tetap yang dilantik pada atau selepas 1 Julai 2008 berkhidmat sehingga mencapai umur 58 tahun. Ia juga membolehkan pemberian opsyen kepada semua pekerja tetap yang sedang berkhidmat termasuk pekerja-pekerja yang tertakluk kepada skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Untuk memilih melanjutkan perkhidmatan sehingga mencapai umur 58 tahun ataupun bersara pada umur 56 tahun seperti sekarang. Pekerja-pekerja yang telah memilih kekal bersara kekal wajib apabila mencapai umur 55 tahun pada tahun 2001 juga diberi peluang memilih umur persaraan wajib 58 tahun. Dengan pindaan dan cadangan yang dicadangkan, pegawai-pegawai di bawah Skim KWSP tidak perlu meletakkan jawatan bagi tujuantujuan yang dimaksudkan. Walau bagaimanapun, selaras dengan pilihan mereka pesara-pesara Skim KWSP hanya diberi caruman KWSP oleh kerajaan sebagai faedah persaraan.

## RANG UNDANG-UNDANG Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara 2008 (*Pindaan*) 2008

**RANG** undang-undang dinamakan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara 2008 untuk:

- (i) menubuhkan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara;
- (ii) membuat peruntukan yang lebih baik berkenaan dengan industri kenaf dan tembakau di Malaysia;
- (iii) membubarkan Lembaga Tembakau Negara; dan
- (iv) mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang bersimpangan.

Rang undang-undang ini terbahagi kepada sembilan bahagian:

- (i) mengandungi perkara permulaan tajuk ringkas dan permulaan tarikh kuat kuasa dan takrif beberapa istilah yang digunakan dalam rang undang-undang tersebut;
- (ii) mengandungi peruntukan-peruntukan berhubung dengan penubuhan lembaga ini serta objektif penubuhannya;



- (iii) mengandungi peruntukan mengenai lantikan Ketua Pengarah Pegawai dan pengkhidmat lembaga. Kuasa dan kewajipan Ketua Pengarah, kuasa lembaga untuk mengambil khidmat pegawai dan juga pengkhidmat lain dan kuasa lembaga untuk memberikan pinjaman biasiswa dan membuat pendahuluan kepada pegawai dan pengkhidmatnya;
  - (iv) mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai perihal kewangan lembaga termasuk peruntukan bagi penubuhan satu kumpulan wang. Sumber kumpulan wang ini antara lainnya adalah daripada wang yang diterima oleh lembaga yang diperuntukkan oleh Parlimen serta segala hasil yang diperolehi. Antara perbelanjaan yang dibolehkan daripada kumpulan wang ini adalah bagi maksud membayar apa-apa perbelanjaan yang dilakukan dengan sah oleh lembaga termasuk fee dan kos perundangan dan apa-apa fee dan kos lain yang dilaksanakan dalam melaksanakan fungsi-fungsinya;
  - (v) mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai kuasa-kuasa lain lembaga. Antaranya kuasa untuk menjamin, membuat pelaburan, pengkomersialan hasil penyelidikan, mengambil khidmat agen, memberi bantuan kewangan kepada syarikat-syarikat yang ditubuhkan oleh lembaga
- dan kuasa untuk menubuhkan syarikat-syarikat yang diperlukan;
  - (vi) mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai pelesenan seperti pengawalseliaan, industri kenaf dan industri tembakau, pelesenan aktiviti tertentu yang berhubungan dengan kenaf, keluaran kenaf, tembakau dan keluaran tembakau. Pengeluaran lesen, kelulusan atau perakuan kebenaran;
  - (vii) mengandungi peruntukan mengenai penguatkuasaan, penyitaan dan yang meliputi pemberian kuasa. Kuasa menangkap, menggeledah, akses kepada data berkomputer, kuasa untuk memberhentikan dan menggeledah;
  - (viii) mengandungi peruntukan am seperti kuasa perisytiharan musim tutup bagi penanaman kenaf dan penanaman dan pengawetan tembakau. Kewajipan untuk mengekalkan kerahsiaan kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan persubatan dan cubaan melakukan mana-mana kesalahan di bawah akta ini; dan
  - (ix) mengandungi peruntukan pemansuhan perkecualian dan peralihan.

## RANG UNDANG-UNDANG **PENDIDIKAN** (*Pindaan*) 2008

**RANG** Undang-undang Pendidikan (Pindaan) 2008 ini mempunyai 10 fasal.

- Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tarikh permulaan kuat kuasa Akta Pendidikan yang dicadangkan.
- Fasal 2 bertujuan untuk meminda Akta 550 untuk menggantikan perkataan 'Ketua Pendaftar Sekolah dan Guru' kepada 'Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru' menggantikan perkataan 'Maktab Pendidikan Guru' dengan 'Institut Pendidikan Guru', menggantikan perkataan 'Pendaftar Sekolah dan Guru' dengan 'Pendaftar Institusi dan Guru', menggantikan perkataan 'Penolong Pendaftar Sekolah' dengan 'Penolong Pendaftar Institusi Pendidikan' dan menggantikan perkataan 'Timbalan Ketua Pendaftar Sekolah dan Guru' dengan 'Timbalan Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Guru'.
- Fasal 3 meminda dan memasukkan ungkapan tertentu dalam seksyen dua Akta 550 seperti berikut;
  - (a) berhubung dengan takrif pendidikan khas bagi memperjelas maksud perkataan 'pendidikan khas' dan;
  - (b) memasukkan takrif Institut Pendidikan Guru selaras dengan kenaikan taraf Maktab Pendidikan Guru kepada Institut Pendidikan Guru.
- Fasal 4 meminda seksyen 5 Akta 550 untuk memasukkan perkataan 'Timbalan Pendaftar Institusi Pendidikan Guru' dan 'Timbalan Pendaftar' dan bagi menggantikan perkataan

'Pendaftar' atau 'Penolong Pendaftar' dengan perkataan 'Pendaftar', 'Timbalan Pendaftar' atau 'Penolong Pendaftar'.

- Fasal 5 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 9A ke dalam Akta 550. Seksyen baru 9A yang dicadangkan adalah pindaan berkaitan daripada perubahan nama bagi perjawatan sebagaimana yang dinyatakan dalam seksyen 9A tersebut dan perubahan nama itu tidaklah menyentuh apa-apa kuasa, hak keistimewaan, tanggungan, kewajipan atau obligasi Ketua Pendaftar Sekolah dan Guru, Timbalan Ketua Pendaftar Sekolah dan Guru, Pendaftar Sekolah dan Guru dan Penolong Pendaftar Sekolah dan Guru atau menjadikan cacat apa-apa prosiding undang-undang oleh atau terhadap mereka.



- Fasal 6 pula bertujuan untuk meminda subseksyen 22(3) Akta 550 untuk membolehkan Ketua Pendaftar mengawal apa-apa kurikulum tambahan yang ingin dilaksanakan di tadika supaya selaras dengan sistem pendidikan kebangsaan dan sesuai dengan tahap pendidikan di tadika.
- Fasal 7 bertujuan untuk meminda seksyen 44 Akta 550 bagi membolehkan Institusi Pendidikan Guru menganugerahkan Diploma dan Ijazah Perguruan selaras dengan kenaikan taraf Maktab Pendidikan Guru kepada Institusi Pendidikan Guru.
- Fasal 8 bertujuan untuk meminda seksyen 49 Akta 550 untuk memberi Menteri Pelajaran kuasa untuk membuat peraturan-peraturan berhubung dengan penganugerahan Ijazah Perguruan, penubuhan dan pengurusan jawatankuasa

bagi kegiatan luar, kurikulum di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dan tatacara bagi penubuhan Institut Pendidikan Guru.

- Fasal 9 bertujuan untuk meminda subseksyen 67(1) Akta 550 untuk memberi menteri kuasa untuk menetapkan cara murid dinilai dan taraf yang hendaklah dicapai oleh mereka pada semua peringkat pendidikan di bawah kuasanya.
- Fasal 10 bertujuan untuk meminda subseksyen 77(1) Akta 550 bagi memperjelaskan bahawa institusi pendidikan swasta yang didaftarkan di bawah akta ini tidak boleh mengendalikan apa-apa kursus pengajian atau program latihan dengan institusi pendidikan tinggi lain tanpa kelulusan bertulis menteri.

## RANG UNDANG-UNDANG Saraan Hakim (Pindaan) 2008

**RANG** undang-undang ini bertujuan untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971 atau disebut selepas ini Akta 45, dengan tujuan utama untuk membolehkan tempoh perkhidmatan seseorang Pesuruhjaya Kehakiman sepenuh masa yang dilantik menjadi hakim Mahkamah Tinggi diambil kira bagi maksud menghitung pencen dan ganjaran yang kena dibayar kepadanya apabila dia bersara sebagai hakim.

Memandangkan fungsi yang dilaksanakan oleh Pesuruhjaya Kehakiman sepenuh masa adalah sama dengan fungsi yang dijalankan oleh seseorang hakim, maka wajarlah jika Pesuruhjaya Kehakiman itu kemudiannya dilantik menjadi hakim. Tempoh perkhidmatan sebagai Pesuruhjaya Kehakiman itu diiktiraf dalam perhitungan pencen dan ganjaran sebagai hakim. Oleh itu dicadangkan fasal 3 dan undang-undang ini supaya seksyen baru 7A(1) yang memberi pengiktirafan sedemikian dimasukkan ke dalam Akta 45. Seksyen 7A(2) yang dicadangkan itu pula memperuntukkan bahawa bagi maksud menghitung pencen dan ganjaran seseorang hakim jika apa-apa pencen atau ganjaran sudah dibayar kepada hakim itu, maka di bawah mana-mana undang-undang lain bagi tempoh yang sama dengan tempoh yang hendak dikira sebagai sebahagian tempoh perkhidmatannya sebagai hakim di bawah subseksyen 1 pencen dan ganjaran di bawah akta ini hendaklah dikurangkan sebanyak amaun yang sudah dibayar sedemikian. Subseksyen ini terpakai di mana apabila seseorang Pesuruhjaya Kehakiman yang dahulunya pernah berkhidmat di dalam Perkhidmatan Awam dan telah pun menerima pencen dan gratuiti di bawah mana-mana undang-undang lain.

Dalam keadaan tersebut apa-apa bayaran pencen dan gratuiti yang mereka

terima untuk tempoh tersebut akan diambil kira dalam pengiraan untuk bayaran pencen dan gratuiti di akhir tempoh perkhidmatan sebagai seorang hakim. Untuk mengelak bayaran pencen dan gratuiti sebanyak dua kali bagi tempoh perkhidmatan yang sama. Juga dicadangkan supaya seksyen 7A ini hanya terpakai bagi tempoh perkhidmatan sebagai Pesuruhjaya Kehakiman seseorang hakim yang masih dalam perkhidmatan pada tarikh permulaan kuat kuasa akta pindaan yang dicadangkan ini.

Pindaan kepada seksyen 1A Akta 45. Pindaan kepada seksyen 1A sebagaimana yang dicadangkan dalam fasal 2 undang-undang ini melibatkan kemasukan takrif bagi istilah Pesuruhjaya Kehakiman untuk memudahkan pentafsiran istilah itu memandangkan penggunaan istilah itu dalam seksyen baru 7A yang dicadangkan. Pindaan kepada seksyen 19A Akta 45 seperti yang dicadangkan dalam fasal 4 merupakan pindaan yang berbangkit daripada pindaan yang dicadangkan dalam fasal 2. Pindaan kepada seksyen 19A seperti yang dicadangkan dalam fasal 4 ini melibatkan penggantian perkataan yang dilantik menjadi Pesuruhjaya Kehakiman di bawah perkara 122AB Perlembagaan Persekutuan dengan perkataan Pesuruhjaya Kehakiman.



# Autograf

